



## HAMPIR 97 PERATUS PERMOHONAN SUBSIDI UPAH TELAH DILULUSKAN SEHINGGA 15 JULAI 2020

**KUALA LUMPUR** - Sejak Program Subsidi Upah diperkenalkan pada **1 April 2020 sehingga 15 Julai 2020**, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menerima **325,506 permohonan** daripada majikan yang mewakili **2.66 juta pekerja**.

Sehingga semalam, kami telah **meluluskan 96.7 peratus** daripada jumlah keseluruhan permohonan, atau **314,844 permohonan**. Yang selebihnya masih dalam tindakan, berada di peringkat kiri, ataupun ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat program.

Seperti yang telah saya umumkan sebelum ini, mana-mana majikan yang masih belum menerima subsidi upah, boleh terus menghubungi saya melalui emel [ceo@perkeso.gov.my](mailto:ceo@perkeso.gov.my). Kebanyakan aduan majikan yang sampai kepada saya adalah berkenaan bayaran subsidi yang masih belum dikreditkan ke dalam akaun syarikat, sementara aduan lain termasuk terkurang/terlebih bayaran dan juga rayuan terhadap permohonan yang ditolak.

Dalam menangani masalah yang dihadapi para majikan ini, PERKESO telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i) Menubuhkan pasukan petugas (*task force*) untuk menyelesaikan isu permohonan yang ditolak
- ii) Mengadakan perbincangan dengan pihak bank mengenai isu BRN (*Business Registration Number*)

Statistik daripada Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO yang menguruskan Program Subsidi Upah, menunjukkan kebanyakan kes aduan majikan telah berjaya diselesaikan.

Sebagai sebuah organisasi yang prihatin, PERKESO mengambil berat kesulitan yang dihadapi majikan. Kami di PERKESO akan pastikan semua majikan yang layak, akan menerima bantuan subsidi.

Permohonan untuk bantuan Subsidi Upah dibuka sehingga **30 September 2020**. Kami amat hargai kesabaran para majikan dan pekerja sementara permohonan subsidi sedang diproses dengan kadar segera oleh PERKESO.

**#StayActiveStayHealthy**

**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED**  
**KETUA EKSEKUTIF**  
**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**  
**16 JULAI 2020**

### **DISCLAIMER**

PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Paket Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.